



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TINGKAHLAKU
KERJASAMA DAN INTEGRASI DI KALANGAN
PESERTA PROGRAM PENDIDIKAN LUAR.**

SITI NORAYA BINTI MARIKAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENULISAN KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT BAGI MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

APRIL 2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa penulisan kertas projek QSS 6006 ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.



SITI NORAYA BINTI MARIKAN

M20061000060


**Program Eksekutif Sarjana Pendidikan Sains Sukan
Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.**

April 2007



PENGESAHAN

**Penulisan kertas projek ini telah diterima dan diluluskan untuk
memenuhi sebahagian syarat bagi memperolehi
Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan,
Fakulti Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.**


(PROF. MADYA DR. JABAR BIN HJ. JOHARI)

Penyelia Kursus Kertas Projek

QSS 6006

April 2007



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah dan kurniaNya, maka tercapai jua apa yang saya hajati selama ini. Dengan izinNya saya telah dapat menyiapkan kertas penulisan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi memenuhi syarat bergraduasi Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan meskipun terdapat pelbagai rintangan yang dihadapi dalam jangka masa program eksekutif yang agak singkat ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada yang disanjung Prof. Madya. Dr. Jabar Bin Hj Johari, selaku penyelia kertas projek QSS 6006 yang telah banyak membimbing dan memberi nasihat serta tunjuk ajar yang membina dengan penuh dedikasi dalam membantu menyiapkan kertas penulisan projek ini. Sesungguhnya, segala jasa baiknya tidak dapat dibalas malah sokongan dan dorongan beliau menjadi azimat kepada saya untuk meneruskan perjuangan saya untuk mencapai kejayaan.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pensyarah yang terlibat dalam Program Eksekutif Master Sains Sukan sesi 2005/2006 di Fakulti Sains Sukan di atas tunjuk ajar, bimbingan, dan ilmu pengetahuan yang diberikan kepada saya semasa menimba ilmu di dalam program Eksekutif Master Sains Sukan anjuran Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan tidak lupa juga penghargaan yang tidak terhingga untuk Dr Ahmad Tajuddin Bin Othman (USM) kerana telah banyak membantu saya dalam menyiapkan kertas penulisan projek ini.

Sekalung terima kasih kepada pihak Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, yang diketuai oleh En Abg Zainal Abidin bin Abg Ahmad dan En Kwan serta semua peserta yang terdiri dari 240 orang peserta (120 orang lelaki dan 120 orang perempuan) yang mewakili semua bahagian di negeri Sarawak dalam program **Perkhemahan Integrasi Pelajar Tingkatan Tiga** yang dianjurkan oleh Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak di Santubong pada 30 Oktober hingga 02 November 2006 yang telah memberi kerjasama dan sumbangan secara langsung kepada penyelidikan ini.

Kepada rakan-rakan sepengajian terutama saudara Ahmadi Amnan, Abu Bakar Tasah, Hong Ah Kui, Neo Hui Kiam, Florina Sigay, Norida Ahmad, Amran Abang, Sidek Hadi dan semua rakan-rakan program Eksekutif Master Sains Sukan sesi 2005/2006 yang telah memberi sumbangan dan idea, dan juga rakan sekerja Widawati Abu bakar dan Puan Patricia yang banyak membantu secara tidak langsung, sekalung penghargaan untuk kalian. Tanpa kerjasama dan dorongan semua, kajian ini mungkin tidak dapat dijalankan dengan jayanya.





Akhir sekali, sekalung terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada bonda dan ayahanda tersayang, Hajjah Dyg Mashan Abg Hj Harun dan Hj Marikan Hj Rosli yang telah banyak berkorban dan memberi sokongan sepanjang pengajian ini serta merestui dan memahami impian serta cita-cita saya untuk meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi. Sesungguhnya sumbangan yang diberikan amat berharga dan dihargai. Semoga jasa baik dari semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung mendapat keberkatan dari Allah.

Siti Noraya binti Marikan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
April 2007





ABSTRAK

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TINGKAH LAKU KERJASAMA & INTEGRASI DI KALANGAN PESERTA PROGRAM PENDIDIKAN LUAR

Oleh
SITI NORAYA BINTI MARIKAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat faktor yang mempengaruhi tingkah laku **kerjasama** dan **integrasi** di kalangan peserta yang mengikuti program pendidikan luar. Faktor motivasi penglibatan peserta, keberkesanan pengisian program, pengalaman penyertaan dalam *outdoor*, sikap kerjasama dan integrasi serta minat dalam *outdoor* dilihat bagi menilai sejauh mana faktor tersebut mempengaruhi tingkah laku kerjasama dan integrasi responden. Seramai 240 peserta program Perkhemahan Integrasi Pelajar Tingkatan Tiga anjuran Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak di Santubong pada 30 Oktober hingga 2 November 2006 dipilih menjadi responden. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan deskriptif kualitatif dan kuantitatif. Instrumen kajian menggunakan soal selidik PMQ yang telah diubahsuai dan Soal Selidik **Kerjasama Dan Integrasi Dalam Pendidikan Luar** yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan dengan nilai alpha 0.9141 dan 0.8804.

Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS (11.5) untuk memperoleh kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan pekali Kolerasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan tahap motivasi penglibatan peserta dan faktor yang mempengaruhi tingkah laku kerjasama dan integrasi di kalangan peserta program pada keseluruhannya berada di tahap yang tinggi. Kajian juga mendapati wujudnya hubungan yang signifikan di antara semua faktor yang dikaji iaitu antara skor min pengisian program ($r = .75$, $n = 240$, $p = 0.000$, $p < 0.01$), pengalaman penglibatan ($r = .18$, $n = 240$, $p = 0.006$, $p < 0.01$), motivasi penglibatan ($r = .51$, $n = 240$, $p = 0.000$, $p < 0.01$) dan minat dalam *outdoor* ($r = .69$, $n = 240$, $p = 0.000$, $p < 0.01$) dan juga antara jantina ($r = .63$, $n = 240$, $p = 0.000$, $p < 0.01$). dengan tahap tingkah laku kerja sama dan integrasi.

Kesimpulannya, semua hipotesis nol yang telah ditetapkan ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan di antara kesemua faktor yang dinyatakan. Ini menunjukkan bahawa faktor motivasi penglibatan, pengisian program, pengalaman penyertaan, sikap dan minat terhadap aktiviti *outdoor* mempengaruhi tingkah laku **kerjasama** dan **integrasi** di kalangan peserta program pendidikan luar.





ABSTRACT

FACTORS INFLUENCING THE BEHAVIOUR OF THE PARTICIPANTS IN THE OUTDOOR EDUCATION PROGRAM IN TERMS OF COOPERATION AND INTEGRATION

By

SITI NORAYA BINTI MARIKAN

The purpose of this research is to look at the factors that influenced the behaviour of respondents who take part in the outdoor education program in terms of cooperation and integration. Factors such as the participants motivation, the effectiveness of the activities, the experience in the outdoor involvement, the integration and cooperation behaviour as well as the interest in outdoor activities are closely evaluated to determine the factors that influence the cooperation and integration behaviour. A total of 240 respondents who participated in the **Program Perkhemahan Integrasi Pelajar** for from 3 students organised by Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak at Santubong from 30 October until 2 November 2006 were especially chosen as subjects for this research. This research used both the qualitative and quantitative descriptive method. The instrument used for the research is the PMQ questionnaire which has been built especially for this research and the questionnaire on “Kerjasama dan Integrasi Dalam Pendidikan Luar” which has the accountability and reliability alpha value of 0.9141 and 0.8804.

The research data is analysed by using the SPSS (11.5) software to determine the frequency, percentage, mean, standard deviation and Pearson Correlation. The results of the research indicated that the motivational level of the respondent's involvement and the factors that influenced the cooperation and integration among the participants in the program are the highest. This research also indicated the existence of a significant relationship between all analysed factors such as the mean score of the activities carried in the program ($r = .75$, $n = 240$, $p = 0.000$, $p < 0.01$), the involvement experiences ($r = .18$, $n = 240$, $p = 0.006$, $p < 0.01$), participation motivation ($r = .51$, $n = 240$, $p = 0.000$, $p < 0.01$) and the interest in *outdoor* activities ($r = .69$, $n = 240$, $p = 0.000$, $p < 0.01$) and between the gender of the participants ($r = .63$, $n = 240$, $p = 0.000$, $p < 0.01$) with the level of behaviour in terms of cooperation and integration.

As a result, all the null hypotheses were rejected due to the existence of a significant relationship among all the factors mentioned. This show that the involvement motivation factors, the program activities, the involvement experience, attitude and interest towards outdoor activities have a direct influenced in terms of cooperation and integration among the participants in the outdoor educational program.





KANDUNGAN

Muka surat

HALAMAN JUDUL

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

i

ABSTRAK

iii

ABSTRACT

iv

KANDUNGAN

v

SENARAI JADUAL

ix

SENARAI RAJAH

xi



BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

1

1.2 Penyataan Masalah

4

1.3 Kepentingan Kajian

8

1.4 Objektif Kajian

9

1.5 Hipotesis Kajian

10

1.6 Batasan Kajian

11

1.7 Limitasi Kajian

11





1.8	Definisi Operasional	12
1.8.1	Pendidikan Luar	12
1.8.2	Kerjasama	13
1.8.3	Integrasi	14

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Kerangka Teoretikal	19
2.3	Kajian – Kajian Lepas	28
2.4	Rumusan	40

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	41
3.2	Rekabentuk Kajian	41
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	43
3.4	Instrumen Kajian	44
3.4.1	Prosedur Penyediaan Soal Selidik	44
3.4.2	Kajian Rintis	52
3.5	Persampelan	53
3.6	Prosedur Kajian	54
3.7	Tatacara Pengumpulan Data	55
3.8	Penganalisan Data	56
3.9	Rumusan	59



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	60
4.2	Penganalisan Data	61
4.3	Analisis Demografik Responden	62
4.4	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	67
4.5	Analisis Data Kumulatif	67
4.5.1	Tahap Motivasi Penglibatan	67
4.5.2	Tahap Faktor Yang Mempengaruhi Tingkahtaku Kerjasama & Integrasi Peserta	72
4.6	Pengujian Hipotesis	74
4.6.1	Hipotesis Nol 1	75
4.6.2	Hipotesis Nol 2	76
4.6.3	Hipotesis Nol 3	77
4.6.4	Hipotesis Nol 4	78
4.6.5	Hipotesis Nol 5	80
4.6.6	Rumusan Keputusan Pengujian Hipotesis	82
4.7	Kesimpulan	83

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	84
5.2	Ringkasan Kajian	85
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	86
5.3.1	Hipotesis Nol Pertama	87



5.3.2	Hipotesis Nol Kedua	90
5.3.3	Hipotesis Nol Ketiga	92
5.3.4	Hipotesis Nol Keempat	94
5.3.5	Hipotesis Nol Kelima	96
5.4	Rumusan Dapatan Kajian	97
5.5	Implikasi Dan Dapatan Kajian	99
5.6	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	105
5.7	Penutup	108
RUJUKAN		109

LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Salinan Surat Kebenaran Membuat Penyelidikan
- C Jadual Keputusan Kebolehpercayaan Kajian Rintis Instrumen
- D Jadual Keputusan Kebolehpercayaan Instrumen

**SENARAI JADUAL**

Jadual		muka surat
3.1	Pemeringkatan Min Skor Tahap Motivasi Penglibatan Peserta Program	45
3.2	Nombor Item Dalam Soal Selidik Yang Mengukur Tahap Motivasi Penglibatan Peserta Dalam Pendidikan Luar	46
3.3	Nombor Item Dalam Soal Selidik Kerjasama Dan Integrasi Dalam Pendidikan Luar Yang Mengukur Faktor Yang Mempengaruhi Tingkah laku Kerjasama & Integrasi	49
3.4	Pemeringkatan Min Skor Tahap Faktor Yang Mempengaruhi Tingkahlaku Kerjasama & Integrasi Peserta Program Pendidikan Luar	51
3.5	Interprestasi Nilai Kolerasi Pearson	57
3.6	Kaedah Statistik Inferensi Parametrik Untuk Pengujian Hipotesis	58
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	62
4.2	Taburan Bilangan Responden Mengikut Bangsa	64
4.3	Taburan Responden Mengikut Bilangan Pengalaman Penyertaan	66





4.4	Pemeringkatan Min Skor Tahap Motivasi Penglibatan Peserta	68
4.5	Tahap Motivasi Penglibatan Peserta Program Pendidikan Luar	71
4.6	Pemeringkatan Min Skor Tahap Faktor Yang Mempengaruhi Tingkahlaku Kerjasama & Integrasi Peserta Program	72
4.7	Tahap Faktor Yang Mempengaruhi Tingkahlaku Kerjasama & Integrasi Peserta Program Pendidikan Luar	74
4.8	Hubungan Antara Skor Min Pengisian Program Dengan Tingkahlaku Kerjasama Dan Integrasi Di Kalangan Peserta Program	76
4.9	Hubungan Antara Skor Min Tahap Tingkah Laku Kerjasama & Integrasi Dengan Pengalaman Penglibatan Dalam Program Pendidikan Luar	77
4.10	Hubungan Antara Skor Min Tahap Faktor Motivasi Penglibatan Dengan Tahap Tingkahlaku Kerjasama & Integrasi Di Kalangan Peserta Program.	78
4.11	Hubungan Antara Skor Min Tahap Faktor Motivasi Minat Dalam Outdoor Dengan Tahap Tingkahlaku Kerjasama & Integrasi Di Kalangan Peserta Program.	79
4.12	Hubungan Tahap Tingkahlaku Kerjasama Antara Peserta Mengikut Jantina.	81
4.13	Keputusan Pengujian Hipotesis	82



**SENARAI RAJAH**

Rajah

muka surat

2.1	Model Kerangka Teoretikal	19
3.1	Model Kerangka Konseptual Kajian	43
4.1	Taburan Peratus Responden Mengikut Jantina	63
4.2	Taburan Peratus Responden Mengikut Bangsa	64
4.3	Taburan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Penyertaan Dalam Pendidikan Luar	66





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Program pendidikan luar merupakan suatu kegiatan yang banyak mendatangkan faedah kepada individu dan masyarakat dari segi jasmani, rohani, intelektual dan juga hubungan sosial yang boleh mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional. Tidak dapat dinafikan, pengisian program pendidikan luar dapat membantu menjadikan seseorang pelajar itu menjadi insan yang sihat dari segi mental dan fizikal selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, yang menyatakan bahawa “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan berkesan untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan”. Sistem Pendidikan di Malaysia kita adalah berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi tumpuan kepada perkembangan potensi diri pelajar secara menyeluruh. Falsafah ini digunakan bagi melahirkan warganegara yang berketerampilan dan bertanggungjawab





dalam segala bidang serta mampu menghadapi cabaran dalam menuju wawasan negara. Usaha ini juga adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Ekoran daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai pihak yang terlibat secara langsung dengan golongan remaja seharusnya bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program atau aktiviti pendidikan luar yang telah digariskan dalam mata pelajaran pendidikan jasmani dan juga kegiatan kokurikulum sekolah. Aktiviti dalam pendidikan luar mampu memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional kerana para peserta berpeluang melakukan aktiviti dan menimba pengalaman melalui proses penyatuan kumpulan dari pelbagai latar belakang dan kaum dalam aktiviti berkumpul. Para peserta juga didedahkan dengan perasaan kepunyaan yang terdapat pada setiap diri



individu.



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Perasaan ini diserap hasil dari pengalaman yang mewujudkan ikatan dalaman iaitu ikatan perasaan. Perasaan kepunyaan adalah suatu proses spiritual, hasil dari pengalaman yang akhirnya membawa kepada perkongsian hati dan minda yang merentasi perbezaan etnik dan budaya. Melalui penglibatan dalam aktiviti yang dijalankan, pelajar berpeluang bercampur sebagai satu pasukan yang memerlukan semangat setiakawan, kerjasama berpasukan dan bertoleransi dalam mencapai kejayaan dan semangat mempertahankan nama pasukan. Faktor ini secara langsung dapat memberi implikasi terhadap perubahan tingkah laku mementingkan diri sendiri kepada sikap bekerjasama di kalangan para peserta. Selain daripada itu, penglibatan dalam program pendidikan luar juga boleh membentuk keperibadian yang baik, menerapkan disiplin yang tinggi dan turut memupuk





semangat daya saing dan semangat patriotisme dan integrasi di kalangan pelajar. Penyemaian semangat perpaduan dan integrasi kepada golongan pelajar adalah penting kerana mereka adalah elit remaja negara. Remaja merupakan aset terpenting dan perpaduan serta patriotisme adalah dua elemen yang bakal menentukan samada golongan remaja bersedia untuk berkorban dan berbakti kepada negara.

Matlamat pembelajaran dalam program pendidikan luar yang menumpukan kepada pembentukan insan yang holistik adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Luar, iaitu : ‘ Alam semulajadi merupakan sebuah makmal hidup yang kaya dengan sumber ilmu. Sumber ilmu ini dapat digabungkan dengan amalan yang boleh memperkayakan pengalaman dan memupuk nilai murni bagi melahirkan individu yang sihat dari segi mental, rohani dan jasmani dalam usaha untuk mewujudkan integrasi di kalangan masyarakat ke arah perpaduan dan integrasi nasional ’.



Di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah telah menekankan pentingnya pendidikan luar yang perlu dijalankan di setiap sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia 1998). Antara aktiviti pendidikan luar yang digariskan ialah aktiviti perkhemahan, *orienteering*, menjejak dan *abseiling*.

Pendidikan Jasmani dan Kesihatan merupakan mata pelajaran yang dapat menghasilkan pendidikan yang menyeluruh meliputi domain psikomotor, kognitif, afektif, sosial dan emosi (Bucher 1979). Pendidikan Luar dalam Pendidikan Jasmani dan Kesihatan memberi peluang kepada pelajar untuk mencuba dan mengalami proses pembelajaran melalui penglibatan dalam aktiviti luar dan aktiviti fizikal. Colfer, Hamilton dan Magill (1986) berpendapat Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan merupakan





proses pembelajaran yang *task oriented* dan dapat menghasilkan kejayaan kepada sesuatu kumpulan pelajar. Oleh itu, mata pelajaran ini memerlukan satu pendekatan pengajaran yang lebih mantap supaya mampu menghasilkan proses pendidikan yang menyeluruh dan berkesan dan seterusnya mampu memberi implikasi kepada perubahan tingkah laku seseorang individu khasnya dari aspek kerjasama dan integrasi. Di dalam bahagian pengenalan isi kandungan Manual Pelatih Modul Fizikal untuk Program Latihan Khidmat Negara telah menekankan bahawa aktiviti luaran atau latihan *outdoor* merupakan satu konsep atau kaedah pendidikan dan latihan yang sangat sesuai digunakan untuk pembangunan insan. Para peserta bukan sahaja didorong untuk membina peribadi yang berkualiti, ketahanan mental dan fizikal, akan tetapi berupaya meningkatkan semangat bekerjasama di dalam sesuatu pasukan dan seterusnya membantu ke arah pencapaian objektif yang ditetapkan khasnya integrasi nasional yang amat diutamakan sekarang.



1.2 Penyataan Masalah

Sekolah ditubuhkan untuk menyediakan warga negara mengikut aspirasi negara dan masyarakat. Kajian oleh Kementerian Pendidikan (1990) mendapati terdapat pelajar yang bersetuju bahawa perbuatan salah laku disiplin mencerminkan kemerosotan nilai moral. Perkara ini dilihat sebagai satu ironi kerana di peringkat sekolah rendah dan menengah telah ada mata pelajaran Pengetahuan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Tambahan pula, penerapan 16 nilai murni yang bersifat sejagat juga wajib diterapkan dalam kurikulum. Kejadian pelanggaran disiplin sekolah dilihat dapat membantutkan usaha negara ke arah mencapai taraf negara maju yang berdaya saing tinggi di peringkat





global, ke arah mempunyai sistem ekonomi yang mapan, masyarakat yang bersifat saintifik, penyayang, serta bertoleransi. Kini, isu buli, polarisasi etnik dan konflik di kalangan pelajar sekolah menengah dari pelbagai kaum adalah masalah semasa sekolah yang perlu ditangani secara serius. Pihak sekolah serta Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) tidak mampu mengawal serta mengatasi keadaan sehingga perlu melibatkan pihak polis dan mahkamah. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Sistem Pendidikan Kebangsaan semestinya mampu melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Namun integrasi antara kaum dan kerjasama di kalangan pelajar masih lagi gagal dipupuk di sekolah.

Fenomena ini menggambarkan bahawa masih ada ruang yang perlu diperbaiki dalam sistem pendidikan negara. Tumpuan kepada kecemerlangan akademik dalam dunia pendidikan menunjukkan bahawa tiga aspek kemanusiaan yang lain iaitu aspek rohani, emosi dan jasmani kurang mendapat perhatian yang sewajarnya dari masyarakat dari segi penilaian sahsiah individu. Pihak kementerian pelajaran perlu memberi perhatian terhadap pengisian tiga aspek kemanusiaan ini agar pengisian kurikulum mampu menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu banyak program telah dijalankan oleh Pusat Kokurikulum seluruh negeri termasuklah di negeri Sarawak. Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak juga tidak ketinggalan dalam menyahut seruan kerajaan agar perpaduan dan integrasi antara kaum dapat dipupuk di kalangan peserta program anjuran mereka. Keberkesanan pengisian aktiviti ke arah membentuk nilai kerjasama dan integrasi nasional perlu dinilai dan dilihat tahap keberkesanannya.





Program berbentuk pendidikan luar yang meliputi kem motivasi, sukan dan rekreasi semakin meluas dilaksanakan di negara kita. Ianya diadakan di peringkat sekolah, pertubuhan/persatuan, daerah, negeri dan negara. Malah program pendidikan luar ini sudah menjadi satu kegiatan perniagaan bagi sesetengah pihak kerana mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pihak sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), jabatan kerajaan mahupun pihak swasta. Kini, Program Latihan Khidmat Negara yang diwajibkan kepada semua calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia juga telah dilaksanakan, di mana latihan *outdoor* yang merupakan teras kepada pengisian modul fizikal telah ditekankan sebagai salah satu elemen yang paling penting yang dapat menyumbangkan ke arah pencapaian matlamat dan objektif Program Khidmat Negara. Pusat Kokurikulum setiap negeri juga memainkan peranan penting dalam menjayakan program pendidikan luar ini. Bagi menjayakan pelaksanaan program pendidikan luar, Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak juga merancang pelbagai aktiviti dan modul untuk dilaksanakan di dalam program pendidikan luar ini. Faktor ini menunjukkan betapa program *outdoor* semakin diperlukan sekarang khasnya dalam membentuk nilai kerjasama ke arah perpaduan dan integrasi nasional di kalangan pelajar. Pelbagai aktiviti yang menarik dan bersesuaian dirancang untuk dilaksanakan semasa program pendidikan luar ini agar program ini dapat menarik penyertaan dan juga memotivasikan golongan remaja khasnya para pelajar untuk menyertai program tersebut. Justeru itu, faktor yang mempengaruhi penglibatan peserta dalam program pendidikan luar perlu diteliti.

Program pendidikan luar telah digunakan secara meluas dalam urusan pembinaan insan sama ada di dalam tentera, korporat atau perkhidmatan awam. Sebagai contoh di





negara maju seperti Amerika Syarikat, terdapat lebih daripada 100 buah syarikat perunding ternama yang kebanyakannya dikendalikan oleh bekas pegawai tentera. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka diterima secara meluas daripada pelbagai pihak termasuk di kalangan pelajar dari peringkat rendah hingga ke institusi pengajian tinggi. Peningkatan populariti aktiviti luaran juga berlaku di Malaysia. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini aktiviti luaran telah diterima sebagai medium yang berkesan dalam usaha pembinaan insan oleh badan bukan kerajaan (NGO) dan korporat. Pemilihan aktiviti luaran yang terdapat di dalam kurikulum Modul Fizikal Khidmat Negara jelas memperakukan kesesuaiannya sebagai pelengkap kepada modul yang lain khasnya dalam penyatuan peserta ke arah memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Walaupun semakin banyak usaha telah dilakukan untuk mengelolakan aktiviti pendidikan luar di peringkat sekolah, daerah, negeri dan negara contohnya dari anjuran Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, namun tidak semua pelajar berpeluang menyertai program berbentuk *outdoor* ini. Pelbagai aspek ditetapkan oleh pihak penganjur bagi memilih peserta yang bakal menyertai pelbagai program yang dianjurkan. Namun adakah peserta yang terpilih berminat sepenuhnya untuk menyertai program yang dianjurkan ataupun kerana terpaksa atas dasar dipilih oleh pihak sekolah mereka. Oleh itu, hubungan antara motivasi penglibatan, minat dan sikap dengan tingkah laku kerjasama dan integrasi dalam program pendidikan luar juga perlu dikaji.

Dari aspek pemilihan peserta pula, pihak penganjur juga sering menetapkan kriteria tertentu, contohnya had penyertaan bilangan pelajar, umur, bangsa, tahap akademik, jawatan di sekolah, tahap penyertaan dalam kokurikulum sekolah dan juga jantina pelajar. Sehubungan itu kajian ini perlu meliputi aspek hubungan antara tingkah





laku kerjasama dan integrasi dengan faktor jantina di kalangan peserta program pendidikan luar.

1.3 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberi sumbangan dan *input* kepada sistem pendidikan secara amnya dengan ;

- i. Memberi panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memantau dan meningkatkan lagi perancangan dan pelaksanaan program pendidikan luar selaras dengan keperluan di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.
- ii. Memberi peluang kepada Unit Kurikulum dan Bahagian Pendidikan Jasmani dan Kesihatan seluruh negeri merangka dasar dan pelan tindakan untuk menekankan pelaksanaan pendidikan luar di sekolah.
- iii. Memberi rangsangan kepada pihak pentadbiran sekolah untuk menjalankan aktiviti pendidikan luar di sekolah.
- iv. Mengenalpasti bentuk dan pengisian modul yang lebih berkesan dalam mempengaruhi perubahan tingkah laku kerjasama dan integrasi di kalangan peserta program bagi tujuan merangka modul pendidikan luar yang boleh meningkatkan lagi perubahan tingkah laku kerjasama dan memupuk integrasi, yang boleh dilaksanakan pada peringkat sekolah, daerah, dan juga negeri.





- v. Menyediakan hasil maklumat yang diperolehi sebagai rujukan, bahan pengetahuan dan panduan membina modul yang lebih mantap kepada jurulatih, para fasilitator dan pihak pengurusan Pusat Kokurikulum Negeri.
- vi. Memberi maklumat dan pengetahuan kepada pihak Pusat Kokurikulum Negeri bahawa faktor motivasi penglibatan dan minat peserta terhadap program pendidikan luar adalah penting bagi menjayakan program *outdoor*.
- vii. Memberi kesedaran kepada pihak Pusat Kokurikulum Negeri bahawa faktor pemilihan modul yang sesuai mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perubahan tingkah laku kerjasama dan integrasi di kalangan peserta.
- viii. Membantu mempertingkatkan lagi keberkesanan program pendidikan luar khasnya dalam usaha ke arah perubahan tingkah laku kerjasama dan juga integrasi nasional.



1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya objektif yang ingin dicapai daripada kajian ini adalah untuk ;

- i. Melihat dan menilai perkaitan antara pengisian program pendidikan luar dengan tingkah laku kerjasama dan integrasi di kalangan peserta program.
- ii. Melihat dan menilai perkaitan antara tahap tingkah laku kerjasama peserta dengan pengalaman penglibatan menyertai program berbentuk *outdoor*.
- iii. Melihat dan menilai perkaitan antara faktor motivasi penglibatan dengan tingkah laku kerjasama dan integrasi di kalangan peserta program tersebut.





- iv. Melihat dan menilai perkaitan antara faktor minat dengan tingkah laku kerjasama dan integrasi di kalangan peserta program tersebut.
- v. Melihat dan menilai perkaitan antara tingkah laku kerjasama dan integrasi bagi kumpulan lelaki dan perempuan yang menyertai program tersebut.

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, objektif dan limitasi kajian, penyelidik dengan ini menyediakan hipotesis nol kajian seperti berikut ;

Ho₁ Tidak terdapat perhubungan antara skor min pengisian program pendidikan luar dengan tingkah laku kerjasama dan integrasi di kalangan peserta program pendidikan luar.

Ho₂ Tidak terdapat perhubungan antara skor min tahap tingkah laku kerjasama dan integrasi dengan pengalaman penglibatan dalam program *outdoor* di kalangan peserta program.

Ho₃ Tidak terdapat perhubungan antara skor min faktor motivasi penglibatan dengan tahap tingkah laku kerjasama dan integrasi di kalangan peserta program.

Ho₄ Tidak terdapat perhubungan antara skor min faktor minat dengan tahap tingkah laku kerjasama dan integrasi di kalangan peserta program.

Ho₅ Tidak terdapat perhubungan antara skor min tahap tingkah laku kerjasama dan integrasi bagi kumpulan lelaki dan perempuan yang menyertai program pendidikan luar.





1.6 Batasan Kajian

Fokus utama dalam kajian hanya berlegar di sekitar aspek yang menjadi punca atau penyumbang kepada faktor yang mempengaruhi tingkah laku kerjasama dan integrasi melalui program pendidikan luar seperti mana yang dinyatakan dalam objektif dan persoalan kajian.

1.7 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa batasan tertentu di dalam kajian ini. Di antara batasan tersebut adalah dari segi sampel kajian, lokasi kajian, kesungguhan responden dan kriteria pemilihan responden.



Kajian ini hanya melibatkan sampel dari kalangan pelajar tingkatan tiga sekolah menengah yang terpilih untuk mengikuti program Perkhemahan Integrasi Pelajar Tingkatan Tiga Peringkat Negeri anjuran Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak yang diadakan dalam semester kedua persekolahan 2006 iaitu selepas ujian Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Kajian ini dijalankan di Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak yang terletak di dalam kawasan sekolah SMK Santubong, Kuching iaitu sebuah kawasan yang terletak berhampiran dengan tepi pantai dan juga kawasan perkampungan nelayan. Suasana ini menggambarkan kawasan persekitaran yang asing bagi separuh daripada pelajar ini dan ini mungkin mempengaruhi dapatan kajian.





Kesungguhan penglibatan responden terhadap aktiviti pendidikan luar yang dijalankan juga akan mempengaruhi dapatan. Oleh kerana aktiviti yang dijalankan adalah mencabar dan menguji kerjasama peserta, ini memerlukan komitmen pelajar yang bersungguh-sungguh sewaktu melakukan aktiviti yang dirancang. Di samping itu juga keikhlasan dan kesungguhan responden menjawab soal selidik juga boleh mempengaruhi dapatan.

Majoriti responden adalah terdiri daripada kalangan pelajar yang terpilih dari sekolah di semua daerah dan bahagian dalam negeri Sarawak. Kriteria pemilihan selalunya telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Di antara kriteria pemilihan ialah had penyertaan bilangan pelajar, jantina, bangsa, tahap pencapaian akademik dan kokurikulum dan juga menjurus kepada kehendak, objektif dan matlamat program yang bakal disertai. Maka dengan itu, kriteria pemilihan peserta mungkin akan mempengaruhi dapatan kajian.



1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Pendidikan luar

Pusat Perkembangan Kurikulum (1989) menyatakan alam semula jadi dalam pendidikan luar merupakan sebuah makmal hidup yang kaya dengan sumber ilmu. Ia boleh digabungkan dengan amalan yang boleh memperkayakan pengalaman dan memupuk nilai murni seperti kerjasama bagi melahirkan individu yang sihat dari aspek jasmani,





emosi, rohani, intelek dan sosial dalam usaha mewujudkan integrasi dalam kalangan masyarakat ke arah perpaduan nasional.

Mohd Yusof Abdullah (1992) menyatakan pendidikan luar diambil daripada kata nama *outdoor* yang bermaksud alam semulajadi yang jauh daripada kediaman manusia. Ia juga membawa maksud perbuatan mencari sesuatu dalam alam sekitar luar. Kegiatan rekreasi luar adalah bidang yang bersifat aktif dan bukan pasif. Menurutnya lagi pendidikan luar ialah proses pendidikan yang berlaku apabila pelajar dibawa ke persekitaran luar bagi maksud memperkayakan, memperkembangkan dan melengkapkan pendidikan menggantikan pembelajaran di bilik darjah.

Seterusnya pendidikan luar juga berfungsi sebagai media untuk membina dan mengekalkan keadaan mental, fizikal, emosi dan sosial yang sihat serta melahirkan warganegara yang berpengetahuan luas, berdisiplin dan bersepadu. Pendidikan luar mengandungi unsur penyelidikan, fizikal, kesihatan, etika dan perpaduan untuk mencapai matlamat tersebut.

1.8.2 Kerjasama

Di dalam Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (1995), menyatakan kerjasama sebagai bersama-sama, saling tolong menolong dan saling bantu-membantu untuk tujuan pencapaian sesuatu objektif atau matlamat.

Glover dan Midura (1992) menyatakan kerjasama ialah semangat bekerjasama dalam mencapai matlamat bersama untuk mendapatkan keseronokan dan kejayaan kepada setiap ahli sesuatu kumpulan.





1.8.3 Integrasi

Sufean Hussein (1996) menyatakan integrasi bermaksud menyatukan etnik atau kelompok yang terasing pada asalnya kepada satu bentuk lain yang tersendiri.

Nadzan Haron & Tan Chin Hung (2004) pula menyatakan, integrasi merupakan satu proses penyatuan kumpulan yang pelbagai latar belakang ke dalam satu entiti yang diikuti oleh norma, nilai dan kepentingan yang seragam. Elemen terpenting dalam integrasi adalah perasaan kepunyaan yang terdapat pada setiap individu. Perasaan ini adalah hasil dari pengalaman yang mewujudkan ikatan dalaman iaitu ikatan perasaan. Ia adalah suatu proses spritual, hasil dari pengalaman yang akhirnya membawa kepada perkongsian hati dan minda yang merentasi perbezaan etnik dan budaya.

Manakala Mohd Salleh Lebar (1998), pula menyatakan integrasi yang diterima atau yang biasa dikehendaki ramai adalah satu proses yang cuba menyatupadukan masyarakat majmuk atau pelbagai kaum dan mewujudkan pula pembentukan kebudayaan kebangsaan atau nasional yang tersendiri di kalangan mereka.

